
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN
NOOR HASLIZA BINTI ALIAS *lwn* RUSLI BIN MOHAMAD
(NO. KES: 05008-022-0674-2019)

Yuhanis Yusop

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Noor Hasliza binti Alias *lwn* Rusli bin Mohamad (No. Kes: 05008-022-0674-2019) (2025) MRS 38 AL-TAQRIR 1. Available at:
<https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/12>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN

NOOR HASLIZA BINTI ALIAS

lwn

RUSLI BIN MOHAMAD

NO. KES: 05008-022-0674-2019

ⁱYuhanis Yusop

ⁱMahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Sinopsis

Plaintif dalam kes ini menuntut untuk mengubah perintah nafkah anak yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Seremban bertarikh 6.3.2018. Dalam kes ini terdapat keperluan perbelanjaan anak-anak tersebut yang kini telah meningkat usia, iaitu anak pertama kini telah mencecah usia 20 tahun dan tinggal bersama Defendan. Pada masa yang material, anak kedua dan anak ketiga tersebut kini berada di bawah jagaan Plaintif dan tinggal bersama Plaintif. Oleh itu, tuntutan-tuntutan perbelanjaan yang dituntut oleh Plaintif adalah khusus kepada anak kedua dan anak ketiga yang masih bersekolah. Defendan dalam kes ini bersetuju dan mengakui bahawa kadar perintah nafkah bertarikh 6.3.2018 adalah perlu diubah berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan dalam Penyata Tuntutan Plaintif. Walau bagaimanapun, jumlah nafkah yang diperuntukkan dikekalkan untuk anak kedua dan anak ketiga. Persoalan yang perlu diputuskan ialah sama ada berlaku perubahan keadaan (*material change of circumstances*) yang membolehkan Mahkamah mengubah perintah nafkah anak yang berkuat kuasa, serta sama ada jumlah nafkah baharu yang dituntut adalah munasabah selaras dengan keperluan anak-anak dan kemampuan pihak Defendan.

Pengenalan

- [1] Ini adalah kes tuntutan Ubah Perintah Nafkah Anak yang difailkan oleh Plaintif terhadap Defendan di bawah seksyen 76 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Latar belakang Fakta

- [2] Plaintif dan Defendan telah bernikah pada 30.4.1999 dan telah bercerai di Mahkamah Rendah Syariah Seremban pada 22.11.2017 dengan talak satu.
- [3] Hasil perkahwinan Plaintif dan Defendan telah di kurniakan tiga orang anak iaitu:
- NSA (selepas ini dikenali sebagai “Anak Pertama”);
 - MADan (selepas ini dikenali sebagai “Anak Kedua”); dan
 - MAD (selepas ini dikenali sebagai “Anak Ketiga”).
- [4] Selepas bercerai Plaintif telah menfailkan nafkah anak, Kes Mal No: 05008-024-0209-2018 di Mahkamah Rendah Syariah Seremban. Mahkamah telah membuat keputusan bertarikh 6.3.2018 seperti yang berikut:

- a. Defendan diperintahkan membayar nafkah untuk tiga orang anak berjumlah RM300.00 sebulan iaitu:
 - i. Anak Pertama;
 - ii. Anak Kedua; dan
 - iii. Anak Ketiga.
 - b. Bayaran nafkah akan dimasukkan terus ke akaun RHB Bank atas nama Plaintiff (no. akaun: xxxxxxxx) sebelum atau pada selewat-lewatnya pada 5hb setiap bulan.
 - c. Bayaran nafkah akan bermula pada bulan Mac 2018 iaitu bayaran pertama dibuat sebelum atau pada 5.4.2018 dan kehadiran sehingga ada perintah lain dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah.
 - d. Defendan juga diperintahkan untuk menyediakan dan membeli kelengkapan persekolahan anak-anak mengikut kemampuan Defendan.
- [5] Pada 2.8.2019 Plaintiff telah memfailkan tuntutan ubah perintah nafkah anak terhadap perintah bertarikh 6.3.2018 atas alasan seperti yang berikut:
- a. Berlaku perubahan matan terhadap keperluan perbelanjaan anak-anak tersebut yang kini telah meningkat seiring dengan peningkatan usia anak-anak tersebut.
 - b. Perintah 6.3.2018 tersebut tidak memperuntukkan nafkah perayaan untuk anak-anak tersebut.
 - c. Anak pertama tersebut kini telah mencecah usia 20 tahun, manakala anak kedua berusia 10 tahun dan anak ketiga berusia 8 tahun. Pada masa yang material, anak kedua dan anak ketiga tersebut kini menetap dan berada di bawah jagaan Plaintiff. Justeru tuntutan-tuntutan perbelanjaan dituntut oleh Plaintiff adalah khusus kepada anak kedua dan anak ketiga.
- [6] Plaintiff menuntut nafkah bulanan untuk 2 orang anak sebanyak RM1190.00 sebulan dan nafkah tahunan merangkumi perbelanjaan awal persekolahan, perayaan, pakaian dan perubatan sebanyak RM2100.00 setahun. Pecahan perbelanjaan adalah seperti yang berikut:
- i. Nafkah Bulanan

Jadual 1. Pecahan Perbelanjaan Anak (Bulanan)

No.	Perkara	Tuntutan
1.	Perbelanjaan makan minum	RM500.00
2.	Perbelanjaan persekolahan Duit Belanja Harian	RM160.00
3.	Yuran KAFA	RM80.00
4.	Perbelanjaan Petrol	RM300.00
5.	Perbelanjaan Utiliti	RM150.00
Jumlah		RM1190.00

ii. Nafkah Tahunan

Jadual 2. Pecahan Perbelanjaan Anak (Tahunan)

No.	Perkara	Tuntutan
1.	Perbelanjaan Awal Persekolahan	RM1000.00
2.	Perbelanjaan perayaan	RM600.00
3.	Perbelanjaan pakaian	RM200.00
4.	Perubatan	RM300.00
Jumlah		RM2100.00

- [7] Defendan dalam pembelaannya bersetuju dan mengakui bahawa kadar perintah nafkah bertarikh 6.3.2018 adalah perlu diubah berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan dalam Penyata Tuntutan Plaintiff. Walau bagaimanapun, jumlah RM300.00 tersebut dikekalkan untuk Anak Kedua dan Anak Ketiga iaitu RM150.00 setiap seorang.

Diputuskan

- [7] Setelah Mahkamah mendengar dan meneliti semua kertas kausa dan keterangan serta hujahan daripada kedua belah pihak Plaintiff dan Defendan, MAKA DENGAN ini Mahkamah memerintahkan seperti yang berikut:
1. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan seksyen 76 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003;
 2. Defendan difardukan membayar nafkah 2 orang anak berjumlah RM600.00 sebulan iaitu:
 - i. Anak Kedua - RM300.00; dan
 - ii. Anak Ketiga - RM300.00.
 3. Bayaran nafkah bulanan hendaklah dibuat sebelum atau pada 5hb setiap bulan berkuatkuasa mulai bulan Februari 2025.
 4. Berdasarkan persetujuan bersama Plaintiff dan Defendan berkaitan nafkah tahunan Mahkamah memerintahkan seperti yang berikut:
 - a. Defendan diperintahkan membayar nafkah tahunan berjumlah RM1500.00 setahun merangkumi perbelanjaan awal persekolahan anak-anak tersebut sebanyak RM1000.00, perbelanjaan pakaian RM200.00 dan perubatan RM300.00 setahun. Bayaran hendaklah dibuat mulai 15.12.2024 bagi sesi persekolahan tahun 2025 dan selewat-lewatnya dua minggu sebelum sesi persekolahan bermula pada tahun 2026 dan ke hadapan.
 - b. Defendan diperintahkan membayar perbelanjaan hari raya anak-anak tersebut berjumlah RM600.00 setahun dan dibayar selewat-lewatnya dua minggu sebelum hari raya Aidilfitri mulai tahun 2025.
 5. Bayaran nafkah bulanan dan nafkah tahunan hendaklah dibuat dengan cara menandatangani wang ke akaun RHB Bank atas nama Plaintiff no. akaun: xxxxxxxx.
 6. Kegagalan Defendan mematuhi perintah ini akan dikenakan tindakan oleh Mahkamah.

Senarai Rujukan**Al-Quran**

Surah Al-Baqarah ayat 233.

Surah Al-Talaq ayat 7.

Al-Hadis

Abu Daud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud*, Hadis Nombor 1692.

Undang-Undang

Seksyen 76 dan 62. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Seksyen 17. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 5 Tahun 2019.

Kes-Kes

Nur Shuhada Elias lwn Mohd Sabri Hamzah (2023) SLRHU 3.

Muhammad Shahdan bin Sahak lwn Afizah binti Aduring (tidak dilaporkan), Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Kes Rayuan Mal: 2405-H0205-001-0469.

Penghakiman Puan Yuhanis binti Yusop, HMRS Seremban

Isu-Isu Yang Perlu Diputuskan

Mahkamah bersetuju bahawa tiada isu bidang kuasa yang berbangkit dalam kes ini sama seperti yang diujahkan oleh Peguam Syarie Plaintiff dan Peguam Syarie Defendan. Sehubungan itu, Mahkamah dalam memutuskan dan membuat keputusan kes ini terdapat dua isu yang perlu diputuskan iaitu:

- i. Isu pertama: **Sama ada jumlah tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff satu jumlah yang munasabah bagi memenuhi keperluan anak-anak tersebut; dan**
- ii. Isu kedua: **Sama ada tuntutan nafkah anak yang dituntut oleh Plaintiff dalam kemampuan Defendan.**

Analisis dan Dapatan

Isu Pertama: Sama ada jumlah tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff satu jumlah yang munasabah bagi memenuhi keperluan anak-anak tersebut

- [8] Dalam kes ini, Mahkamah berpuas hati telah terdapatnya perintah nafkah anak yang telah diputuskan pada 6.3.2018 melalui Kes Mal No.: 05008-024-0209-2018. Kemudian Mahkamah juga berpuas hati Plaintiff atau Defendan mempunyai hak bagi mengubah perintah nafkah anak tersebut berdasarkan seksyen 76 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu yang salah kenyataan atau silap faktanya atau sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal penjagaan atau nafkah seseorang anak itu. Mahkamah berpuas hati terdapat perubahan material tentang terhadap keperluan anak-anak dan ubah perintah nafkah ini perlu untuk anak yang bernama MAmD 16 tahun dan MAD, 14 tahun.

Nafkah Tahunan

- [9] Seterusnya Mahkamah mendapati dalam kes ini terdapat persetujuan yang telah dicapai berkaitan nafkah tahunan dan hanya terdapat beberapa perkara berkaitan nafkah bulanan sahaja yang perlu diputuskan oleh Mahkamah. Pertamanya Mahkamah merujuk persetujuan Plaintiff dan Defendan pada 29.4.2024 berkaitan nafkah tahunan bahawa Defendan dalam keterangannya telah bersetuju dengan keseluruhan jumlah nafkah tahunan yang dituntut oleh Plaintiff berjumlah RM2100.00.

- [10] Mahkamah merekodkan persetujuan pihak-pihak bahawa Defendan bersetuju untuk membayar sebanyak RM1500.00 setiap tahun merangkumi perbelanjaan awal persekolahan sebanyak RM1000.00, perbelanjaan pakaian sebanyak RM200.00 dan perbelanjaan perubatan sebanyak RM300.00. Bayaran ini berkuat kuasa mulai 15.12.2024. Mahkamah mengambil maklum bayaran nafkah ini telah dibuat sebagaimana yang dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam hujahan peguam Defendan.
- [11] Selain itu, Defendan bersetuju membayar perbelanjaan perayaan berjumlah RM600.00 setahun kepada anak-anak tersebut bermula pertengahan Ramadhan 1446H dan seterusnya.
- [12] Merujuk kepada persetujuan dan pengakuan Plaintiff dan Defendan ini adalah selari dengan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 yang menyatakan:

“17. (1) Iqar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

(2) Apa-apa iqar hendaklah dibuat—

(a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau

(b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan ‘adil.

(3)”

- [13] Berdasarkan persetujuan dan pengakuan Plaintiff dan Defendan tersebut, Mahkamah berpuas hati bahawa nafkah tahunan bagi kedua-dua orang anak adalah sebanyak RM2,100.00 setahun merangkumi perbelanjaan awal persekolahan, pakaian, perubatan dan perbelanjaan perayaan.

Nafkah Bulanan

- [14] Perkara yang menjadi pertikaian dalam kes ini adalah berkaitan dengan nafkah bulanan anak-anak tersebut. Dalam menentukan ukuran kadar nafkah bulanan, Mahkamah perlulah mempertimbangkan ukuran munasabah berdasarkan kemampuan dan taraf kehidupan bapa. Jika bapa seorang miskin/ sederhana, maka kadar nafkah yang boleh dituntut hendaklah meliputi makan-minum, pakaian, tempat tinggal, persekolahan dan perubatan sekadar yang *dharuri* sahaja kecuali jika sekiranya bapa itu seorang yang berkemampuan.

Perbelanjaan makan minum

- [15] Dalam kes ini, Plaintiff menuntut perbelanjaan makan minum anak-anak tersebut sebanyak RM500.00 sebulan. Melalui keterangan berserta bukti segala perbelanjaan barangan dapur dan makan minum pada tahun 2018 dan 2019 yang ditandakan sebagai P5 hingga P65 dalam Ikatan Dokumen Plaintiff, Mahkamah telah meneliti kesemua resit perbelanjaan yang dikemukakan, Mahkamah mendapati tiada resit perbelanjaan yang menunjukkan perbelanjaan makan minum berjumlah RM500.00 sebulan. Anggaran perbelanjaan melalui resit yang dikemukakan hanyalah sekitar RM150.00-RM200.00 sahaja sebulan. Sehubungan itu Mahkamah mendapati Plaintiff gagal membuktikan sewajarnya berhubung asas yang membawa kepada jumlah seperti yang tuntutan.
- [16] Walaupun pihak Plaintiff menghujahkan berdasarkan prinsip pembuktian munasabah mencapai tahap *dzan* dengan merujuk kes *Nur Shuhada Elias lwn Mohd Sabri Hamzah* (2023) SLRHU 3, Mahkamah berpandangan biarlah pembuktian yang dikemukakan setara dan munasabah dengan apa yang dituntut di mahkamah ini. Oleh kerana makan minum merupakan keperluan asas untuk anak-anak demi kelangsungan hidup, Mahkamah akan membuat pengiraan bahawa kos perbelanjaan makan minum yang sewajarnya yang perlu ditanggung oleh Defendan.

Perbelanjaan persekolahan / Duit Belanja Harian

- [17] Plaintiff menuntut duit perbelanjaan harian anak-anak tersebut ke sekolah sebanyak RM160.00. Mahkamah memahami bahawa wang saku RM4.00 sehari untuk berbelanja di sekolah pada masa sekarang sememangnya jumlah yang sangat minimum. Mahkamah merujuk keterangan saksi Plaintiff yang mengatakan bahawa Plaintiff akan memberikan wang saku RM10.00 sehari untuk perbelanjaan harian anak-anak ke sekolah dan RM5.00 untuk pengangkutan sekiranya Plaintiff tidak dapat mengambil anak-anak tersebut dari sekolah. Selain itu saksi Plaintiff mengatakan jumlah tersebut adalah wajar kerana makanan yang dijual di sekolah juga agak mahal. Berdasarkan keterangan Plaintiff dan saksi Plaintiff mahkamah berpandangan tuntutan ini wajar diluluskan dan dipertimbangkan.

Yuran KAFA

- [18] Berkaitan Yuran KAFA berjumlah RM80.00 yang dituntut oleh Plaintiff, isu ini tidak lagi relevan kerana anak-anak tersebut telah bersekolah diperingkat menengah dan yuran KAFA tidak diperlukan lagi. Maka Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff ini.

Minyak Petrol

- [19] Mahkamah berpandangan adalah sukar menentukan sejauhmana pengisian minyak petrol RM300.00 sebulan seperti yang dituntut oleh Plaintiff digunakan untuk memenuhi keperluan anak-anak. Resit-resit yang dikemukakan tidak dibuktikan dengan jelas jumlah seperti mana yang dituntut. Sehubungan itu mahkamah menolak tuntutan ini.

Perbelanjaan Utiliti

- [20] Berkaitan bil utiliti, Mahkamah mendapati Plaintiff gagal memuaskan pihak mahkamah berkenaan bil-bil utiliti yang dibayar oleh Plaintiff untuk membezakan penggunaan fasiliti tersebut digunakan oleh anak-anak tersebut atau pihak Plaintiff sendiri. Bil air dan bil cukai taksiran tahun 2019 yang dikemukakan dalam Ikatan Dokumen Plaintiff di muka surat 79 dan 80 tidak dibuktikan dengan resit bayaran dengan sewajarnya. Begitu juga dengan resit pembayaran cukai taksiran di muka surat 79 tidak dikemukakan bil cukai tersebut untuk penilaian mahkamah. Selain itu, Mahkamah juga mengambil maklum Perintah Harta Sepencarian yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang memerintahkan bil-bil utiliti ditanggung oleh Plaintiff yang mendiami rumah perkahwinan tersebut. Oleh yang demikian, Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff ini.

Isu Kedua: Sama ada tuntutan nafkah anak yang dituntut oleh Plaintiff dalam kemampuan Defendan

- [21] Defendan dalam keterangannya mengatakan bahawa beliau bekerja di Kilang Dou Yee Manufacturing Sdn. Bhd., Kawasan Perindustrian Tasik Jaya, Seremban sebagai *Senior Technician II* dengan pendapatan asas sebanyak RM3,345.00. Selain itu, Defendan juga menerima elaun anggaran RM500.00-580.00 sebulan dan menerima elaun kerja lebih masa anggaran lebih kurang RM1000.00-1800.00 sebulan seperti yang ditandakan sebagai D1, D2 dan D3 dalam Ikatan Dokumen Defendan.
- [22] Dalam pembelaan yang difailkan pada 23.6.2020 dalam perenggan 12 Defendan menegaskan bahawa perbelanjaan tetap bulanan yang ditanggung oleh Defendan adalah sebanyak RM2960.00 merangkumi bayaran kereta RM600.00, nafkah anak RM300.00, bayaran balik pinjaman RHB bank RM260.00, kad kredit RM500.00, bayaran balik pinjaman Bank Rakyat RM500.00, sewa rumah, bil elektrik dan air RM300.00, petrol RM300.00 dan makan minum RM200.00.
- [23] Walau bagaimanapun, Mahkamah mendapati perbelanjaan bulanan yang dinyatakan oleh Defendan dalam pembelaannya tidak konsisten dengan keterangan Defendan secara lisan dalam mahkamah. Defendan dalam keterangannya mengatakan tanggungan beliau seperti yang berikut:

Jadual 3. Senarai Tanggungan Defendan

No.	Senarai Tanggungan	Jumlah (RM)
1.	Sewa rumah	RM500
2.	Kad kredit (bayar baki tunggakan)	RM500-600
3.	Kereta	RM600
4.	Nafkah anak	RM300
5.	Keperluan barang dapur	RM600-700
6.	Duit minyak/petrol	RM300-350
7.	Bil utiliti -elektrik dan air	RM100
8.	Bil telefon	RM60
9.	Bayaran pinjaman ahlolong	RM1020
10.	Belanja ibu di kampung	RM150

Jumlah keseluruhan tanggungan **RM4330.00.**

- [24] Defendan semasa disoal balas bersetuju tiada sebarang resit bayaran berkenaan perbelanjaan makan minum, bil elektrik dan air, penyata kad kredit dan penyata bank dikemukakan dalam Ikatan Dokumen Defendan bagi membuktikan komitmen Defendan dengan bank setiap bulan. Defendan juga gagal membuktikan bayaran hutang kepada Pemberi Pinjaman Wang Tidak Berlesen dengan sewajarnya.
- [25] Mahkamah mengambil maklum segala komitmen dan tanggungan Defendan setiap bulan. Berkenaan hutang dengan Pemberi Pinjaman Wang Tidak Berlesen mahkamah menasihatkan Defendan supaya lebih berhati-hati membuat pinjaman kerana pinjaman dengan Pemberi Pinjaman Wang Tidak Berlesen ini sangat berisiko kerana mereka mengenakan bunga atau kadar faedah yang tinggi serta turut merisikokan keselamatan keluarga dan anak-anak sekiranya tidak dapat dijelaskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Mahkamah berpandangan komitmen tersebut tidaklah sampai menjejaskan kewajipan Defendan sebagai bapa untuk menafkahi anak-anak tersebut.
- [26] Dalam hukum Syarak konsep tanggungan nafkah oleh seorang bapa kepada anaknya adalah berdasarkan prinsip tanggungjawab, keadilan dan kemampuan. Bapa wajib menanggung nafkah anak-anaknya termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan keperluan asas. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 233 yang bermaksud:

Terjemahan: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

(Surah Al-Baqarah, 2:233)

Prinsip ini juga selaras dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Terjemahan: Cukuplah seseorang itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan orang yang menjadi tanggungannya.

(Riwayat Abu Dawud, Sunan Abu Daud, No. Hadis 1692)

Hadis ini menunjukkan betapa beratnya tanggungjawab seseorang suami atau bapa kepada ahli keluarga dan tanggungan di bawahnya, dan bahawa pengabaian nafkah merupakan satu dosa besar.

- [27] Kewajipan nafkah tertakluk kepada kemampuan kewangan bapa. Jika bapa mampu, nafkah harus disediakan mengikut keselesaan hidup yang wajar. Jika bapa kurang mampu, nafkah diberikan mengikut kadar kemampuan tanpa mengabaikan keperluan asas anak. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Talaq ayat 7 yang bermaksud:

Terjemahan: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah daripada apa yang diberikan Allah kepadanya.

(Surah Al-Talaq, 65:7)

- [28] Selain daripada melihat kemampuan bapa, isu keperluan anak tersebut juga perlu diberi pertimbangan dari sudut keperluan anak merangkumi keperluan fizikal iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan. Seterusnya keperluan pendidikan iaitu keperluan formal atau agama yang sesuai dengan usia dan kemampuan anak dan seterusnya keperluan emosi. Kesejahteraan emosi dan mental anak juga menjadi pertimbangan seperti menyediakan suasana yang stabil dan harmoni.
- [29] Hukum syarak menekankan prinsip kesederhanaan dan keadilan dalam memenuhi nafkah anak. Seseorang bapa wajib memberikan nafkah mengikut kemampuannya sambil memastikan keperluan asas dan kesejahteraan anak terjaga. Prinsip ini bertujuan memastikan hak anak tidak terabai dan pada masa yang sama tidak membebankan bapa secara tidak wajar.
- [30] Peruntukan seksyen 62 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri Sembilan mengenai penaksiran nafkah isteri dan anak menjelaskan bahawa:

62. Dalam menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan penaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, tanpa mengira perkadaran nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

- [31] Dalam Arahan Amalan No.5 tahun 2019, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengeluarkan skala ilustrasi, jumlah nafkah. Taksiran nafkah tersebut berasaskan kepada nafkah bulanan bagi seseorang atau lebih bergantung kepada bilangan anak. Penentuan kadar nafkah tertakluk kepada keperluan asas anak-anak yang merangkumi keperluan tempat tinggal, pakaian, makan minum, perubatan, pendidikan, umur dan jumlah pendapatan bapa.
- [32] Dalam kes ini, pendapatan asas Defendan adalah sebanyak RM3,345.00 dan elaun lain yang diterima setiap bulan adalah tidak tetap anggaran RM500.00 sebulan seperti yang ditandakan D1, D2 dan D3 Ikatan Dokumen Defendan iaitu lebih kurang RM3,845.00 sebulan. Selain itu, terdapat juga elaun kerja lebih masa anggaran RM1000.00-RM1800.00 sebulan. Walau bagaimanapun, amaun tersebut tidak tetap dan tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan bulanan kerana keperluan bekerja lebih masa tertakluk kepada arahan dari majikan.
- [33] Mahkamah merujuk kes *Muhammad Shahdan bin Sahak lwn. Afizah binti Aduring*, Kes Rayuan Mal: 2405-H0205-001-0469, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dalam kes rayuan terhadap nafkah anak telah memutuskan berdasarkan kaedah pengiraan zakat atau cukai pendapatan sebanyak RM9000.00 setahun ditolak dulu bagi perbelanjaan diri pembayar dan dalam kes ini adalah Defendan. Penetapan RM9000.00 setahun ini adalah kadar pada pandangan kerajaan untuk kadar asas kehidupan yang paling minima. RM9000.00/12 bulan adalah berjumlah RM750.00 sebulan.
- [34] Dalam memutuskan kes ini, Mahkamah mengguna pakai kaedah pengiraan sepertimana kes *Muhammad Shahdan lwn. Afizah Aduring* seperti yang berikut:

Pendapatan tahunan Defendan adalah $RM3,845.00 \times 12 \text{ bulan} = RM46,140.00$. Jumlah ini ditolak dulu dengan RM9000.00 menjadikan pendapatan asas Defendan sebanyak RM37,140.00. Daripada jumlah ini di bahagi 12 bulan menjadikan pendapatan bulanan boleh guna Defendan adalah RM3,095.00. Jadi 33% daripada RM3,095 adalah RM1,021.35.

[35] Dapatan ini sama seperti yang dicadangkan oleh Arahan Amalan No.5 tahun 2019 dengan pengiraan 33% berjumlah RM1021.35 iaitu merangkumi keperluan tempat tinggal, pakaian, makan minum perubatan dan pendidikan. Oleh kerana terdapat persetujuan berkaitan nafkah tahunan di antara Plaintiff dan Defendan merangkumi perbelanjaan pakaian dan perubatan berjumlah RM500 setahun (RM200.00 untuk pakaian dan RM300.00 untuk perubatan) maka adalah tidak wajar perbelanjaan tersebut dikira juga dalam nafkah bulanan.

Keputusan

[36] Setelah Mahkamah mendengar dan meneliti semua kertas kausa dan keterangan serta hujahan daripada kedua belah pihak Plaintiff dan Defendan, MAKA DENGAN ini Mahkamah memerintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan seksyen 76 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003;
2. Defendan difardukan membayar nafkah 2 orang anak berjumlah RM600.00 sebulan iaitu:
 - i. Anak Kedua - RM300.00; dan
 - ii. Anak Ketiga - RM300.00.
7. Bayaran nafkah bulanan hendaklah dibuat sebelum atau pada 5hb setiap bulan berkuatkuasa mulai bulan Februari 2025.
8. Berdasarkan persetujuan bersama Plaintiff dan Defendan berkaitan nafkah tahunan Mahkamah memerintahkan seperti yang berikut:
 - c. Defendan diperintahkan membayar nafkah tahunan berjumlah RM1500.00 setahun merangkumi perbelanjaan awal persekolahan anak-anak tersebut sebanyak RM1000.00, perbelanjaan pakaian RM200.00 dan perubatan RM300.00 setahun. Bayaran hendaklah dibuat mulai 15.12.2024 bagi sesi persekolahan tahun 2025 dan selewat-lewatnya dua minggu sebelum sesi persekolahan bermula pada tahun 2026 dan ke hadapan.
 - d. Defendan diperintahkan membayar perbelanjaan hari raya anak-anak tersebut berjumlah RM600.00 setahun dan dibayar selewat-lewatnya dua minggu sebelum hari raya Aidilfitri mulai tahun 2025.
9. Bayaran nafkah bulanan dan nafkah tahunan hendaklah dibuat dengan cara menandatangani wang ke akaun RHB Bank atas nama Plaintiff no. akaun: xxxxxxxx.
10. Kegagalan Defendan mematuhi perintah ini akan dikenakan tindakan oleh Mahkamah.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **Puan Yuhanis Binti Yusop**, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Seremban

Tarikh Keputusan

6 Februari 2025.

Peguam Syarie

Plaintif diwakili oleh Peguam Syarie Encik Mohd Syafiq bin Norizan, *Tetuan Syafiq Norizan & Associates*. Manakala Defendan diwakili oleh Peguam Syarie Encik Ahmad Tarmizi bin Kassim, *Tetuan Tarmizi Marzuki & Sulaiman*.